
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2012/2013

Januari 2013

SAU320 - Sosiologi Kehidupan Harian

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab semua solan di bahagian A dan **SATU (1)** soalan daripada soalan-soalan di Bahagian B.

Bahagian A
[Section A]

Jawab **SEMUA** soalan.
[Answer **ALL** questions.]

Soalan 1 (30 markah)
[Question 1 (30 marks)]

Pilih lima (5) konsep di bawah dan berikan definisi setiap konsep tersebut.
[Choose five (5) of the concepts as follows and illustrate their meanings.]

- (a) Rutin [Routine]
- (b) Kebiasaan [Ordinariness]
- (c) Autentik [Authentic]
- (d) Dunia kehidupan [Life-world]
- (e) Ketidaksedaran [Unconsciousness]
- (f) Intersubjektiviti [Intersubjectivity]
- (g) Makna hidup [Meaning of life]
- (h) Pengurusan impresi [Impression management]
- (i) Interaksi sosial harian [Everyday social interaction]
- (j) Malu [Embarrassment]

Soalan 2 (40 markah)
[Question 2] (40 marks)

- (a) Nyatakan dan terangkan tiga definisi ‘kehidupan harian’. (9 markah)

[Indicate and explain three definitions of ‘everyday life’. (9 marks)]

- (b) Terdapat tiga teknik bagaimana kehidupan harian dapat difahami. Nyatakan tiga teknik tersebut dan terangkannya dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai. (18 markah)

[There are three techniques of how everyday life can be understood. Indicate these techniques and explain each of them with appropriate examples. (18 marks)]

- (c) Terangkan secara ringkas bagaimana idea-idea Garfinkel telah menyumbang kepada kefahaman kehidupan harian. (13 markah)

[Explain briefly how Garfinkel’s ideas have contributed to the understanding of everyday life. (13 marks)]

Bahagian B
[Section B]

Jawab **SATU (1)** soalan daripada 3 soalan berikut.
[Answer **ONE (1)** of the following questions.]

Soalan 3 (30 markah)
[Question 3 (30 marks)]

Terangkan secara kritikal sejarah pembentukan sosiologi kehidupan harian.
[Explain critically the historical development of sociology of everyday life.]

Soalan 4 (30 markah)
[Question 4 (30 marks)]

Sifat kehidupan harian yang sedia beranggapan dan tidak dihargai menghalang kita daripada sedar tentang potensi diri dan hidup secara autentik. Bagaimana kita boleh mencabar sifat kehidupan harian ini supaya kita boleh mencapai kehidupan yang lebih autentik? Dengan menggunakan aktiviti membeli-belah sehari-hari kita sebagai contoh empirikal, *bincangkan* soalan ini.

[The taken-for-granted nature of every life prevents us from realizing our potential and living ‘authentically’. How can we challenge this everyday life to achieve a more authentic living? Using our daily shopping activities as an empirical example, discuss this question.]

Soalan 5 (30 markah)
[Question 5 (30 marks)]

Bincangkan sejauh manakah pengetahuan ‘sosiologi kehidupan harian’ dapat membantu anda memahami kehidupan harian anda sendiri.

[Discuss the extent to which the knowledge of ‘sociology of everyday life’ can help you in understanding your own everyday life.]